


Subject: MAKLUMAN BERKAITAN PEMBUKAAN MAHKAMAH SESYEN SIVIL DAN JENAYAH SERI MANJUNG, PERAK

From: Meor Sulaiman Bin Ahmad Tarmizi <meor@kehakiman.gov.my>

Date: 5/6/2025, 11:00 am

To: "azmir@agc.gov.my" <azmir@agc.gov.my>, "norhana.yusuf@agc.gov.my" <norhana.yusuf@agc.gov.my>, "muhammad.zaki@agc.gov.my" <muhammad.zaki@agc.gov.my>, "cpo.perak@rmp.gov.my" <cpo.perak@rmp.gov.my>, "kpdmanjung@rmp.gov.my" <kpdmanjung@rmp.gov.my>, "prk@sprm.gov.my" <prk@sprm.gov.my>, "pjb_ppnperak@prison.gov.my" <pjb_ppnperak@prison.gov.my>, "prtaipg@prison.gov.my" <prtaipg@prison.gov.my>, "prtapah@prison.gov.my" <prtapah@prison.gov.my>, "pinprk@imi.gov.my" <pinprk@imi.gov.my>, "shakinah.ismail@imi.gov.my" <shakinah.ismail@imi.gov.my>, "pengarah_perak@adk.gov.my" <pengarah_perak@adk.gov.my>, "ramlee@kimia.gov.my" <ramlee@kimia.gov.my>, "azzura@kimia.gov.my" <azzura@kimia.gov.my>, "jkip@kimia.gov.my" <jkip@kimia.gov.my>, "p.perak@jpp.gov.my" <p.perak@jpp.gov.my>, "nortipah@jkm.gov.my" <nortipah@jkm.gov.my>, "suzana.noor@jkm.gov.my" <suzana.noor@jkm.gov.my>, "dr.feisul@moh.gov.my" <dr.feisul@moh.gov.my>, "rosmawatijani@moh.gov.my" <rosmawatijani@moh.gov.my>, "badri@hasil.gov.my" <badri@hasil.gov.my>, "kamalludin@kpdn.gov.my" <kamalludin@kpdn.gov.my>, "mdshukri@mmea.gov.my" <mdshukri@mmea.gov.my>, "perakbar@perakbar.org" <perakbar@perakbar.org>, "perakbar@gmail.com" <perakbar@gmail.com>, "PerakLAC@gmail.com" <PerakLAC@gmail.com>, "m_nadzri.ariffin@customs.gov.my" <m_nadzri.ariffin@customs.gov.my>, "hafizah.hasan@customs.gov.my" <hafizah.hasan@customs.gov.my>
CC: Noor Azreen Liana binti Mohd Darus <azreenliana@kehakiman.gov.my>, "Nur Faridatul Akmar binti Ariffin" <faridatul@kehakiman.gov.my>, "Azizah binti Haji Ahmad" <azizahahmad@kehakiman.gov.my>



Rujukan Kami: MPERAK.100-1/5/1 - (85)

Tarikh : 5 Jun 2025

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

MAKLUMAN BERKAITAN PEMBUKAAN MAHKAMAH SESYEN SIVIL DAN JENAYAH SERI MANJUNG

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan kepada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan bahawa atas arahan YAA Hakim Besar Malaya berkuat kuasa 16 Jun 2025, Mahkamah Seri Manjung, Perak akan turut mendengar kes-kes di bawah bidang kuasa Mahkamah Sesyen oleh Hakim Mahkamah Sesyen Ipoh yang

akan **bertugas secara litar** di Mahkamah Sesyen Seri Manjung **pada setiap hari Khamis**.

3. Sebagai makluman YBhg. Datuk/ Dato'/Tuan/ Puan juga, Mahkamah Sesyen Seri Manjung akan mendengar kes-kes Sivil dan Jenayah di bawah bidang kuasa Mahkamah Sesyen yang melibatkan Daerah Seri Manjung, Pantai Remis dan Sitiawan. Oleh yang demikian, mohon kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/Tuan/ Puan untuk memaklumkan perkara ini kepada semua pihak yang terlibat di Jabatan/ Agensi YBhg. Datuk/ Dato'/Tuan/ Puan. Sekiranya YBhg. Datuk/ Dato'/Tuan/Puan mempunyai sebarang kemusykilan/pertanyaan, pegawai-pegawai berikut boleh dihubungi:

3.1 Puan Noor Azreen Liana binti Mohd Darus

Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rendah Ipoh
No. Telefon: 605-241 5555/samb. 113

3.2 Puan Nur Faridatul Akmar binti Ariffin

Penolong Pendaftar Mahkamah Sesyen/Majistret Ipoh
No. Telefon: 605-241 5555/ samb. 432

4. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

-meor-

(MEOR SULAIMAN BIN AHMAD TARMIZI)

Pengarah

Mahkamah Negeri Perak

☎ +605-241 5555

✉ meor@kehakiman.gov.my

GO GREEN-PAPERLESS

Sila pertimbangkan alam sekitar sebelum mencetak e-mel ini.

"Peringatan Keselamatan / Kerahsiaan: e-Mel ini termasuk apa-apa fail lampiran yang dihantar bersama adalah rahsia dan bertujuan semata-mata untuk kegunaan individu yang dialamatkan sahaja. Jika anda bukan penerima yang dinamakan, sila ambil perhatian bahawa segala bentuk tindakan untuk menyebarkan, mengedarkan atau menyalin e-mel ini adalah dilarang sama sekali. Sila beritahu penghantar dengan kadar segera melalui e-mel jika anda telah menerima e-mel ini secara tidak disengajakan serta mengambil tindakan dengan memadamkan atau menghapuskan e-mel asal tersebut termasuk fail-fail lampiran."